

Headline **Desas-desus angin perubahan di 5 IPTA**
Date **01. Aug 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **22**
Section **Hip** Article Size **297** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue **5254.39**



Desas-desus angin perubahan di 5 IPTA



Oleh Zainor Said
zaino@bharian.com.my

NAIB Canselor adalah jawatan tertinggi di institusi pengajian tinggi (IPT) negara. Mereka yang menduduki jawatan itu adalah orang terpilih dan dilantik di kalangan tokoh akademik berwibawa. Kepada merekalah diberi kepercayaan untuk membawa institusi itu ke tahap cemerlang, setanding dengan universiti terkemuka dunia. Sebab itulah kerajaan begitu berhati-hati dalam memilih calon Naib Canselor untuk menerajui universiti di negara ini, agar ia terus berdaya saing.

Tahun ini sekurang-kurangnya lima Naib Canselor akan tamat tempoh perkhidmatan mereka. Mereka ialah Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Perubahan pucuk pimpinan sesebuah universiti adalah perkara biasa, sama seperti organisasi lain. Apabila tempoh perkhidmatan mereka tamat, terpulang kepada kerajaan sama ada mahu menyambung kontrak mereka atau diganti muka baru. Oleh itu, Naib Canselor bersilih ganti, tidak harus menjadi isu besar atau dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

Buat masa ini dua daripada universiti berkenaan diterajui tokoh wanita iaitu di UM dan UKM. Kedua-duanya dilantik sewaktu Datuk Mustapa Mohamed menjadi Menteri Pengajian Tinggi, yang kini berpindah ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pelantikan Naib Canselor wanita menerajui dua universiti tersohor negara itu mencatat sejarah kerana Datuk Rafiah Salim dan Prof Datuk Dr. Sharifah Habsah Syed Hassan Shahabudin adalah dua wanita pertama yang diberi kepercayaan menduduki kerusi panas itu, yang selama ini dimonopoli tokoh lelaki.

Berikutan Kementerian Pengajian Tinggi bertukar pucuk kepemimpinannya yang kini diterajui Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, selepas Pilihan Raya Umum ke-12 yang lalu, ramai ahli akademik yang terus bertekad, apakah angin perubahan akan berlaku lagi dalam pucuk kepimpinan di beberapa universiti. Apakah penyandangannya akan terus diberi kepercayaan menerajui universiti berkenaan.

Sesuai perubahan dalam mana-mana organisasi sudah menjadi lumrah apabila berlaku pertukaran dalam pucuk kepimpinan kementerian, ibarat kata pepatah sekali air bah, sekali pantai berubah. Ada yang membuat spekulasi bahawa kemungkinan kelima-lima universiti itu akan mendapat 'bos' yang baru. Ada juga yang berpendapat pelan-

tikan Naib Canselor juga akan tertakluk kepada pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang bakal dibahaskan beberapa hari lagi, yang dijangka turut menyentuh mengenai tata-cara pelantikan Naib Canselor.

Kerusi Naib Canselor UM dan UKM adalah dua kerusi yang menarik minat ramai kerana dua sebab. Pertama kerana ia kini diterajui oleh wanita dan kedua UKM dan UM adalah dua universiti utama negara, yang pernah tersenarai dalam kalangan universiti terbaik dunia.

UM pernah tersenarai dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia pada 2005 oleh Times Higher Education Supplement (THES) ketika Prof Datuk Dr Hashim Yaacob menjadi Naib Canselor. Bagaimanapun kedudukan itu tidak bertahan lama kerana pada tahun berikutnya kedudukan UM merosot, sekali gus menjadikannya sebagai sasaran kritikan.

Kedudukan UKM pada 2007 agak lebih baik sedikit berbanding UM, walaupun tidak berada dalam kelompok 100 terbaik terutama dalam bidang Sains Kesihatan dan Perubatan. Bagaimanapun kedudukan itu tidak boleh dibanggakan sangat kerana rakyat mahu melihat universiti ternama Malaysia, sekurang-kurangnya berada dalam senarai 100 terbaik keseluruhan atau lebih baik daripada itu.

Bagaimanapun kita tidak boleh menjadikan kajian THES itu sebagai penanda aras mutlak dalam menentukan ranking IPT negara dan membandingkannya dengan universiti terkemuka dunia kerana sesetengah kriteria yang diambil kira dalam kajian mereka tidak berapa sesuai dengan universiti kita. Bagaimanapun dalam pada itu, ada juga pihak yang mengaitkan prestasi kurang memberangsangkan itu sedikit sebanyak dengan kelemahan pengurusan kedua-dua IPT, walaupun mereka sedar bahawa universiti itu masih baru diterajui oleh kedua-dua Naib Canselor berkenaan.

Lantaran mereka mencadangkan agar pelantikan Naib Canselor pada masa depan dilantik di kalangan 'orang dalam' universiti kerana mereka lebih arif dengan situasi dalaman dan mudah mendapat sokongan serta kerjasama semua kakitangan di pelbagai peringkat.

Mereka juga berpendapat pelantikan Naib Canselor juga tidak harus ada unsur campur tangan mana-mana pihak termasuk campur tangan politik, seperti yang sering didakwa sesetengah pihak sebelum ini. Hal ini penting bagi memastikan hanya Naib Canselor yang benar-benar berwibawa dilantik untuk memacu universiti ke tahap cemerlang dan bertahan untuk tempoh yang lama.

Sehubungan itu, mereka amat bersetuju sebuah jawatankuasa khas dibentuk seperti yang pernah dicadangkan Menteri Pengajian Tinggi terdahulu bagi melantik Naib Canselor untuk menerajui Universiti Apex, yang bakal diumumkan tidak lama lagi.